KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	16/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	SESB			

Bina Puri meterai PPA dengan SESB

PETALING JAYA – Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri) melalui anak syarikat milik penuhnya, BP Energy Sdn. Bhd. (BP Energy) telah menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Perjanjian tersebut adalah untuk melaksanakan projek pembangunan 5.00 MWa.c. ladang solar PV berskala besar di Kunak, Sabah yang dijangka mula beroperasi secara komersial pada 30 Jun 2023.

Menurut makluman kepada Bursa Malaysia, BP Energy akan mereka bentuk, membina, menguji, mentauliah, memiliki, mengendali dan menyelenggara fasiliti penjanaan tenaga solar PV dengan kapasiti 5.00MWa.c. di Kampung Dasar, Kunak, Sabah untuk sambungan ke rangkaian pengagihan voltan sederhana SESB di PMU Kunak.

Tempoh kontrak PPA adalah selama 21 tahun daripada tarikh operasi komersial.

Mengulas mengenai projek berkenaan, Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri, Datuk Matthew Tee Kai Woon berkata, selepas empat tahun menerima surat penerimaan tawaran bagi projek ini daripada Suruhanjaya Tenaga (ST), kini telah membawa kepada pemeteraian PPA tersebut.



BINA PURI berharap dapat lebih banyak projek berkaitan tenaga di Sabah khususnya bagi menyumbang kepada penyelesaian tenaga boleh diperbaharui. – GAMBAR HIASAN

Beliau berkata, daripada sepuluh syarikat yang dianugerahkan di bawah LSS2 di Sabah, Bina Puri adalah syarikat pertama yang menandatangani PPA dengan SESB.

"Ini merupakan satu peristiwa penting bagi Kumpulan kerana ia adalah projek tenaga pertama Bina Puri di Malaysia, berikutan kejayaan penyenaraian anak syarikat tenaga kami pada Jun 2017 di Bursa Saham Indonesia."

"Kami berharap dapat menyumbang kepada negara dengan penggunaan solusi tenaga boleh diperbaharui yang selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan masa depan yang lebih mampan dan hijau.

"Dengan pengumuman ini, kami berharap dapat lebih banyak projek tenaga di Malaysia terutamanya di Sabah kerana kami juga mempunyai kedudukan yang kukuh dalam sektor lain di sini seperti pembinaan dan pembangunan hartanah," jelasnya.



KAI WOON

Pada 5 Jun 2017, Bina Puri melalui anak syarikatnya dalam bidang tenaga, PT Megapower Makmur (MPOW), sebuah syarikat jana kuasa elektrik bebas, telah disenaraikan di Bursa Indonesia (IDX).

MPOW mengendalikan empat buah loji janakuasa diesel dengan kapasiti 14.0 megawatt di empat lokasi di seluruh Indonesia dan sebuah loji mini hidro 4.2 megawatt di Sulawesi Selatan, Indonesia.

Kosmo 16.12.2021_37